

*Sandy ujian  
getir rakyat  
Amerika Syarikat*

*Taufan gugat kuasa besar dunia*

Sehingga petang semalam, 13 orang disahkan mangsa korban Taufan Sandy di Amerika Syarikat (AS) dan seorang di Kanada. Seramai 200 pesakit di sebuah hospital di New York terpaksa dipindahkan kerana banjir. Pada masa yang sama, bekalan elektrik terputus di 13 negeri yang menyebabkan lebih enam juta penduduk terjejas.

Pelabuhan New York pula diancam gelombang besar yang bukan saja menyukarkan kegiatan penduduk, bahkan melumpuhkan aktiviti ekonomi dan pentadbiran. Beberapa bandar raya besar dari Washington hingga ke Boston yang kepadatan penduduk 50 juta orang membuat persiapan rapi menghadapi Sandy.

Rakyat AS trauma kerana tidak pernah mengalami bencana dahsyat, selain Taufan Katrina pada 2005 dengan nilai kerugian AS\$108 bilion. Kerugian angkara Sandy dijangka berganda ketika Presiden Barack Obama dan lawannya, Mitt Romney meramalkan bencana Oktober adalah amaran paling keras buat AS.

### Wall Street tutup

Sandy memaksa pasaran saham AS, Wall Street, ditutup buat kali pertama dalam tempoh 27 tahun berikutan masalah cuaca. Ia turut memberi kesan penurunan pasaran saham di Madrid, Greece, Tokyo, Sydney dan Hong Kong. Sebanyak 284,000 harta benda awam bernilai AS\$281 bilion berisiko musnah, 7,000 penerbangan batal dan 67 penduduk terbunuh di Caribbean yang menghadap pantai AS.

Taufan kategori satu itu juga mengancam aktiviti perniagaan, menyebabkan banjir dan memutuskan bekalan elektrik. Pusat Ribut Kebangsaan AS (NHC) meramalkan suasana tidak menentu berterusan beberapa hari. Sembilan negeri mengisytiharkan darurat manakala Obama memberi amaran bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Penganalisis cuaca berkata, Sandy yang jarang melanda dan luar biasa dianggap ribut *super hybrid* mungkin menyebabkan hujan sehingga 25 sentimeter di beberapa kawasan, selain salji sehingga semeter di Pergunungan Appalachian dari Virginia Barat hingga Kentucky. Taufan itu dijangka membawa angin maksimum berterusan 140 kilometer sejam dan berada kira-kira 615 kilometer di tenggara New York.

Rakyat AS yang selama ini mendakwa kuasa besar dunia terpaksa akur dengan kuasa lebih agung. Jika era Perang Dingin pada 1950-an hingga 1980-an, AS terbabit secara langsung dalam perang di Vietnam dan Semenanjung Korea, kini mereka mula menyedari mitos AS sebagai penguasa tunggal dunia sudah tercabar. AS juga terbabit secara langsung dalam konflik di Asia Barat sehingga penubuhan negara Israel.

New York yang pernah dianggap pusat

kegiatan Pakatan Atlantik Utara (NATO) ketika berdepan ancaman blok komunis Eropah Timur yang dikenali Pakatan Warsaw, kini lumpuh. Sejarah keagungan lampau kini tidak bermaya berdepan ancaman taufan yang lebih dahsyat daripada kekuatan ketenteraan dan ejen risikan.

Jika AS boleh mendabik dada dengan serangan hendap untuk menangkap bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein dan membunuh Osama Ben Laden di bumi asing, kini mereka terpaksa berdepan ancaman cuaca yang dahsyat di tanah air sendiri. Nasib AS dijangka hampir sama dengan sekutu utama, Jepun yang mengalami gempa bumi dan ancaman Tsunami pada Mac 2011. Sandy yang disifatkan sebagai 'kejutan Oktober' berbahaya turut menjejaskan perancangan kempen kedua-dua calon presiden. Obama dan pesaingnya dari Republikan terpaksa menangguhkan rancangan kempen di negeri yang menjadi laluan taufan gergasi itu, sekali gus menjejaskan strategi sejak berbulan lalu dalam menghadapi persediaan terakhir seminggu sebelum hari pilihan raya sebenar.

Obama bersama bekas presiden, Bill Clinton dilaporkan ke Florida tetapi terpaksa menangguhkan acara di Virginia, Ohio dan Colorado untuk memantau perkembangan dari Rumah Putih.

### Rakyat berdepan bahaya

Beliau menyatakan kebimbangan terhadap rakyat AS yang bakal berdepan bahaya dan secara tersirat bukan mengenai masa depan politik beliau sendiri.

"Keutamaan saya ialah memastikan semuanya memuaskan untuk keluarga dan

B/H 7/10/12 M523



Sistem pengangkutan AS lumpuh akibat taufan Sandy.

bersedia. Ia akan meletakkan sedikit beban kepada mereka yang terbabit secara langsung kerana saya tidak mampu lebih banyak berkempen dalam beberapa hari akan datang," kata Obama kepada pekerja kempen di Florida. Romney membatalkan kempen di Virginia, satu daripada negeri yang diramalkan dilanda taufan.

Jika Sandy terus mengancam, mungkinkah pilihan raya presiden diteruskan minggu depan, atau rakyat AS sekali lagi mencipta sejarah penangkuhan pilihan raya kali pertama, selepas mencipta sejarah empat tahun lalu kerana memilih kulit hitam sebagai penghuni Rumah Putih selama empat tahun?